



PANDUAN PELAKSANAAN BUTIRAN 3, PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014

1. PENDAHULUAN

Berdasarkan Butiran 3, Jadual Pertama Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) (Pelepasan) 2014, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberi pelepasan daripada membayar CBP ke atas semua perolehan barangan kecuali petroleum dan kereta yang diimport. Bagaimanapun, kerajaan perlu membayar CBP ke atas semua perolehan perkhidmatan.

Kerajaan bermaksud Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Kerajaan Persekutuan meliputi semua kementerian bersama jabatan dan suruhanjaya yang ditubuhkan di bawah kementerian masing masing. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya termasuk di bawah kerajaan persekutuan.

Kerajaan Negeri meliputi 13 buah negeri yang di ketuai oleh Ketua Menteri atau Menteri Besar.

Pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun tidak dianggap sebagai kerajaan di bawah Akta CBP 2014.

Petroleum merujuk kepada mana-mana minyak mineral atau hidrokarbon relatif dalam bentuk pepejal, cecair atau gas yang terdapat dalam keadaan semulajadinya dan termasuk spirit petroleum kepada selongsong, syal bitumen, longgokan-longgokan berstrata lain daripadanya minyak boleh didapati secara komersial dan keluaran-keluaran petroleum yang dihasilkan daripada proses pembuatan.

YB Menteri Kewangan telah memberi pelepasan di bawah Subseksyen 56(3)(a) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 kepada Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri bagi perolehan produk petroleum RON 95 dan diesel di peringkat runcit. Jabatan kerajaan perlu membayar GST ke atas perolehan produk petroleum RON 95 dan diesel secara komersial (pukal dari

pemborong). Surat Kementerian Kewangan ruj: 0.3865/356(SJ.4)(Jld.22)(SK.24)(9) bertarikh 12 Mei 2015 berkaitan.

Jualan *Liquefied Petroleum Gas* (LPG) yang berisipadu 14 kg dan ke bawah turut diberi pelepasan kepada semua orang termasuk Jabatan Kerajaan kerana *stokis, dealer* dan semua peruncit telah diberi pelepasan di bawah Subseksyen 56(3)(b) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dari mengenakan CBP. Manakala bekalan LPG secara *bulk* atau dalam tong berisipadu 50 kg adalah tertakluk kepada kenaan GST pada kadar standard. Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri perlu membayar GST yang dikenakan dan tiada pelepasan yang diberikan ke atas perolehan bekalan tersebut.

2. TUJUAN

Tujuan panduan ini disediakan untuk membantu:

- i) pembekal yang menjual barang kepada jabatan kerajaan;
- ii) jabatan kerajaan mendapatkan pelepasan CBP atas perolehan barangan sama ada dibeli dalam negeri atau diimport.
- iii) pembekal dan jabatan kerajaan menentukan sama ada pembekalan bercampur (barang / perkhidmatan) dikategorikan sebagai pembekalan barang atau pembekalan perkhidmatan.

3. PEMBEKALAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN

Bagi maksud CBP, bekalan air dan elektrik termasuk bekalan penyejukan (*refrigeration*), penyaman udara (*air-conditioning*) atau pengudaraan (*ventilation*) adalah merupakan bekalan barang (*goods*). Sila rujuk kepada Perenggan 4, Jadual Pertama, Akta CBP 2014.

Berikut adalah panduan bagi menentukan sama ada bekalan barang (*goods*) atau perkhidmatan (*supply*):

3.1 Bekalan barang (*goods*)- Pelepasan di bawah Butiran 3, Jadual Pertama (Pelepasan) Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Pembekalan barang bermaksud jabatan kerajaan memperolehi barang untuk kegunaan jabatan contohnya mesin faks, peralatan pejabat dan

sebagainya. Perolehan barang yang disertai dengan perkhidmatan seperti memasang, menguji peralatan yang dihantar, semua perkhidmatan tersebut dikira sebagai pembekalan barang. Contoh lain:

3.1.1 Membekal, menghantar, memasang, menguji, mentauliah 35 buah CCTV untuk kegunaan Jabatan Pendaftaran Negara.

3.1.2 Mereka, membekal, menghantar, memasang, menguji peralatan makmal perubatan Kolej Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

3.2 Bekalan Perkhidmatan (*services*)-Pelepasan di bawah Seksyen 56(3) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Perolehan Perkhidmatan merujuk kepada apa-apa perkhidmatan yang disediakan terus kepada kerajaan seperti sewaan, penyelenggaraan, pembersihan dan sebagainya. Contoh pembekalan perkhidmatan adalah:

3.2.1 Tawaran membekal, menghantar, memasang, menguji, mentauliah dan menyelenggara komputer pentadbiran secara sewaan ke Jabatan Pertanian Malaysia untuk tempoh tiga (3) tahun.

3.2.2 Tender bermasa dua (2) tahun bagi perkhidmatan sewaan peralatan ICT pengguna selama empat (4) tahun untuk kegunaan kementerian pengajian tinggi termasuk jabatan di bawah KPT, politeknik dan kolej komuniti.

3.2.3 Servis kenderaan jabatan adalah perolehan perkhidmatan walaupun terdapat penggantian komponen semasa servis dibuat. GST dikenakan ke atas jumlah nilai perkhidmatan tersebut. Invois tidak perlu dipecahkan kepada perolehan barang dan perkhidmatan.

3.2.4 Mencetak dan membekalkan Buku Harian Rasmi kepada Jabatan Kerajaan oleh syarikat percetakan. Percetakan adalah pembekalan perkhidmatan.

Sila rujuk juga Panduan Pelaksanaan Pelepasan Cukai Barang dan Perkhidmatan ke atas Perolehan Perkhidmatan Kerajaan.

4. KAEDAH BAYARAN SECARA PUKAL

- 4.1 Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri yang membuat bayaran secara pukal untuk bekalan air dan elektrik diberi pelepasan di bawah Butiran 3, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014.
- 4.2 Bayaran secara pukal bagi perolehan perkhidmatan tidak diberi pelepasan CBP. Sila rujuk Panduan Pelaksanaan Pelepasan CBP ke atas Perolehan Perkhidmatan Kerajaan.

5. PROSEDUR PELAKSANAAN

i) Jabatan Kerajaan

- 5.1 Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri boleh membuat pembelian tempatan atau pengimportan semua jenis barang kecuali petroleum dan kereta import di bawah Butiran 3, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014 tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - 5.1.1 Barang yang diimport atau dibeli daripada orang berdaftar atau dibeli di bawah Skim Penggudangan;
 - 5.1.2 Barang itu hendaklah digunakan oleh jabatan berkenaan dan tidak dijual atau dilupuskan kecuali dengan kebenaran oleh Ketua Jabatan yang berkenaan; dan
 - 5.1.3 Kos barangan dicajkan kepada vot jabatan yang ditunjukkan dalam Anggaran Persekutuan atau Negeri dan tidak dibeli daripada sumber kewangan lain.

Tatacara Mendapatkan Pelepasan CBP

- 5.2 Bagi barang yang diperolehi dalam negara, orang yang menuntut pelepasan CBP hendaklah mengemukakan sijil pelepasan seperti di Jadual Ketiga , Bahagian I atau II , Perintah Cukai Barang dan

Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 (Rujuk Lampiran A atau C) semasa pembelian atau pesanan dibuat.

- 5.3 Bagi barang import, satu sijil seperti di Jadual Ketiga, perintah CBP (Pelepasan) 2014 yang ditandatangani oleh Ketua Jabatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa (**rujuk LAMPIRAN 'A'**) hendaklah disertakan bersama Borang Kastam No 1/Borang Kastam No.9. Untuk mendapatkan pelepasan CBP, Borang Kastam No.1/Borang Kastam No.9 hendaklah didaftarkan atas nama Jabatan Kerajaan. Sebarang pengimportan oleh pihak ketiga bagi Jabatan Kerajaan Persekutuan /Negeri adalah tidak layak diberi pelepasan CBP.
- 5.4 Sekiranya pembekal kepada kerajaan yang mengimport, pembekal perlu membayar CBP terlebih dahulu dan menuntut semula cukai input (ITC). Hanya pengimportan terus oleh kerajaan layak mendapat pelepasan CPB semasa pelepasan kastam menggunakan sijil pelepasan.
- 5.5 Bagi perolehan kenderaan tempatan, Jabatan Kerajaan hendaklah menggunakan sijil pelepasan seperti di **LAMPIRAN 'C'**.
- 5.6 Memandangkan pembekalan elektrik dan air adalah suatu pembekalan yang berterusan dimana tiada pesanan dibuat, maka jabatan kerajaan bagi perolehan utiliti (elektrik dan air), hanya perlu mengemukakan sijil pelepasan atau Certificate of GST Relief (CoGSTR) sekali setiap tahun.

Tindakan Pihak Jabatan Kerajaan

- 5.5 Jabatan kerajaan yang telah diberi pelepasan CBP:
- i) tidak boleh melupuskan, menjual, memindahkan dalam negara atau tidak mengakaunkan, dengan syarat CBP telah dibayar ke atas barang yang diberikan pelepasan;
 - ii) hendaklah menyimpan rekod atau akaun barang yang diimport atau dibeli bagi tujuan pemeriksaan / pengauditan pegawai CBP.

ii) Pembekal/Penjual

Tindakan Pihak Pembekal Tempatan

- 5.6 Bagi mendapatkan pelepasan daripada mengenakan dan memungut CBP ke atas pembekalan barang bercukai yang dibuat kepada jabatan kerajaan, pihak pembekal hendaklah mengeluarkan invois cukai dengan menyatakan klausa seperti berikut:

“Dilepaskan daripada mengenakan CBP bagi pembekalan kepada orang yang diberi pelepasan di bawah Butiran 3, Jadual Pertama, Perintah CBP(Pelepasan) 2014”

Contoh invois seperti di **LAMPIRAN ‘B’**

- 5.7 Pihak pembekal hendaklah memastikan Sijil di bawah Perintah CBP (Pelepasan) 2014 yang dikemukakan oleh mana-mana jabatan kerajaan persekutuan atau negeri mengandungi semua butir-butir dan telah ditandatangani oleh Ketua Jabatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa. Satu Salinan sijil hendaklah disimpan oleh pihak pembekal.

Sijil Pelepasan CBP yang dijana melalui sistem e-Perolehan berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ke atas Perolehan Kerajaan melalui sistem e-Perolehan tidak perlu ditandatangani selaras dengan *Electronic Government Activities Act 2007* dan *Digital Signature Act 1997*.

- 5.8 Pihak pembekal hendaklah mengikrar dalam Butiran 13, Bahagian C, Penyata GST-03, jumlah nilai pembekalan diberi pelepasan CBP.
- 5.9 Pihak pembekal hendaklah menyimpan rekod berkaitan pembekalan yang tidak dikenakan CBP di mana melibatkan tuntutan cukai input bagi tujuan pemeriksaan / pengauditan pegawai CBP.

6. KESIMPULAN

Diharap panduan ini dapat membantu jabatan kerajaan persekutuan dan negeri bagi mendapatkan pelepasan CBP atas perolehan barang; dan juga membantu pihak pembekal tidak mengenakan dan memungut CBP ke atas pembekalan barang kepada kerajaan di bawah Butiran 3, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014.

7. PEMBATALAN

Dengan pengeluaran panduan ini, Panduan Pelaksanaan Butiran 3, Perintah Cukai Barang Dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 bertarikh 09 Mac 2015 adalah dibatalkan.

Untuk Sebarang pertanyaan atau maklum balas sila hubungi:

- i) Tuan Abd. Razak bin Ahmad Arshad)

Email : razak.arshad@customs.gov.my

Tel : 03-88822792

- ii) Tuan Roslan Bin Akibon

Email : roslan.akibon@customs.gov.my

Tel : 03-83111304

Tarikh Pindaan : 28 Oktober 2015

Bahagian GST, Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Pindaan 1/2015

JADUAL KETIGA / *THIRD SCHEDULE*

BAHAGIAN 1 / *PART 1*

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014
GOODS AND SERVICES TAX ACT 2014

SIJIL DI BAWAH PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014
CERTIFICATE UNDER THE GOODS AND SERVICES TAX (RELIEF) ORDER 2014

Saya dengan ini mengesahkan bahawa barang yang diperihalkan di atas adalah
I hereby certify that the goods described above are

*diperolehi daripada / *acquired from* _____

*dibekalkan kepada / *supplied to* _____

(Nama dan alamat orang atau pertubuhan yang berkenaan dengan pelepasan yang dituntut)
(Name and address of the person or the establishment in respect of the relief claimed)

dan pelepasan daripada *pengenaan/pembayaran cukai barang dan perkhidmatan adalah dituntut di
bawah Butiran 3
*and relief from *charging/payment of goods and services tax is claimed under Item 3*

Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 tertakluk kepada syarat-syarat yang
dinyatakan di dalamnya.
of the Goods and Services Tax (Relief) Order 2014 subject to the conditions therein specified.

Tandatangan _____
Signature

Nama _____
Name

No. Kad Pengenalan _____
Identity Card No.

Pangkat _____
Rank

Tarikh _____
Date

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan
**Delete whichever is not applicable*

LAMPIRAN 'B'

Example of Tax Invoice for Supply Given Relief

The words "Tax Invoice" TAX INVOICE		Tax Invoice serial number Invoice No: 1111		
Customer's name & address ABC KOMPUTER SDN.BHD. No.1, Jalan Bandar 43210 Shah Alam, Selangor		Date : 25 June 2015 D/O No : S000345		
SEKOLAH KEBANGSAAN KLANG No. 24, Hala Meru, 43210 KLANG		Supplier's name, address and GST identification number		
Date of Tax Invoice				
Serial No.	Description	Quantity	Unit Price (RM)	Total (RM)
1.	Computer – CPU (Dell)	10	2,000.00	20,000.00
2.	Monitor (Dell 14")	10	500.00	5,000.00
3.	Wireless Mouse (Dell)	10	250.00	2,500.00
Quantity of goods or extent of the services supplied			Total Sales 27,500.00	
GST relief			GST @ 6%	
(Relieved from charging GST for supply to a person given relief under Item 3, First Schedule of GST (Relief Order 2014)			Rate of GST Nil	
			Amount of GST	
Total Amount Payable			27,500.00	
			Total amount	
ABC KOMPUTER SDN.BHD.				

JADUAL KETIGA / THIRD SCHEDULE

BAHAGIAN II / PART II

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

GOODS AND SERVICES TAX ACT 2014

SIJIL DI BAWAH BUTIRAN __3__ JADUAL PERTAMA KEPADA PERINTAH CUKAI BARANG
DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014

CERTIFICATE UNDER ITEM __3__ OF THE FIRST SCHEDULE TO THE GOODS AND SERVICES
TAX (RELIEF) ORDER 2014

A – Untuk dilengkapi dan ditandatangani oleh pengimport/pembeli
To be completed and signed by the importer/buyer

1. Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya ialah *pengimport/pembeli kenderaan bermotor yang dinyatakan di bawah ini dan kenderaan bermotor itu adalah *diimport/dibeli untuk kegunaan saya sendiri dan orang-orang di bawah tanggungan saya.
*I hereby certify that I am the *importer/buyer of the motor vehicle specified hereunder and that the motor vehicle is *imported/purchased for my personal use and that of my dependents.*

2. Saya juga mengesahkan bahawa saya tidak *mengimport/membeli apa-apa kenderaan bermotor sebelum ini dan tidak pernah menuntut pelepasan untuknya dan bahawa semua butir-butir yang diisytiharkan adalah benar dan betul.
*I also certify that I have not *imported/purchased any motor vehicle before nor have I claimed any relief and that all the particulars declared are true and correct.*

3. Butir-butir kenderaan bermotor saya ialah seperti berikut:
Particulars of my motor vehicle are as follows:

(a) No. Pendaftaran Kenderaan _____ Jenis _____
Vehicle Registration No. Type

(b) Model _____

(c) Tahun dikilang _____

(d) Tarikh dan tempat import _____

Tandatangan _____ Diluluskan oleh _____
Signature Approved by

Nama _____ Nama _____
Name Name

No. Kad Pengenalan _____ No. Kad Pengenalan _____
Identity Card No. Identity Card No.

Jawatan _____
Designation

Seksyen/Unit _____
Section/ Unit

Tarikh _____ Tarikh _____
Date Date

*Nota : Hanya untuk kenderaan bermotor